

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KESERAGAMAN (STANDARD) EKSA JABATAN TENAGA MANUSIA

Bil. Mesyuarat	:	1 Tahun 2023
Tarikh	:	8 Februari 2023 (Rabu)
Masa	:	9.00 pagi – 11.00 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Zircon tingkat 8

Hadir

- | | | |
|---|---|------------|
| 1. Hjh. Noor Lisa Rahmat | - | Pengerusi |
| 2. En. Muhammad Farhan bin Hamid | - | Setiausaha |
| 3. Tn. Hj. A. Rahmad bin Ngah | - | Ahli |
| 4. Ts. Dr. Nora binti Osman | - | Ahli |
| 5. Pn. Noor Hayati binti Halimi | - | Ahli |
| 6. En. Mohd Norisham Fadhly bin Mat Ariffen | - | Ahli |

Tidak Hadir dengan Maaf:

Tiada

I. PERUTUSAN Pengerusi

1. Kata-kata Aluan

1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA pertama tahun 2023.

1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa sebanyak 17 Standard telah dibangunkan bagi Zon, dan 8 bagi Induk. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Standard bersidang dan akan mengeluarkan Standard mengikut keperluan tambahan (sekiranya ada permintaan).

Makluman

II. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA Bilangan 3 Tahun 2022 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

Makluman

III. PERBINCANGAN MESYUARAT

2. Perancangan Mesyuarat Jawatankuasa Standard EKSA 2023

(a) Mesyuarat mencadangkan tarikh Mesyuarat EKSA adalah pada

- (i) 8 Februari 2023
- (ii) 11 Oktober 2023

3. Semakan senarai audit EKSA JTM dan Senarai Tugas AJK Standard

AJK telah menyemak senarai semak audit EKSA JTM dan Senarai Tugas AJK Standard semasa mesyuarat bagi mengenal pasti perkara lain yang perlu distandardkan.

Tindakan: Makluman

4. Pelan Lantai EKSA JTM

Berdasarkan semakan perkara 3, mesyuarat mendapati bahawa pelan lantai EKSA JTM perlu distandardkan. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju Tn. Hj. Rahmad untuk menyediakan standard tersebut.

Tindakan: Tn. Hj. Rahmad

5. Pelan Lampu

Mesyuarat membincangkan bahawa **pelan lampu** hanya disediakan bagi bilik yang mempunyai lebih dari 2 suis lampu. Sehubungan dengan itu, hanya Bilik Mesyuarat Utama yang perlu menyediakan suis lampu. Oleh yang demikian, mesyuarat memutuskan agar En. Norisham menyediakan templat suis lampu tersebut.

Tindakan: En. Norisham

6. Standard Label Peralatan

Mesyuarat membincangkan **label peralatan yang boleh bergerak (dipinjam oleh warga)** seperti puncher perlu disediakan bagi memastikan sekiranya peralatan tersebut dipinjam oleh warga JTM, **PIC bilik tersebut akan tahu bahawa peralatan tersebut sedang dipinjam**. Label tersebut perlu kecil (tertutup) dan hanya akan nampak sekiranya peralatan tersebut tiada di tempatnya. Mesyuarat memutuskan En. Farhan untuk menyediakan templat tersebut.

Tindakan: En. Farhan

7. Persoalan dari Ahli Zon

Mesyuarat telah membincangkan beberapa persoalan dari ahli zon:

(a) Soalan 1:

- Fail peperiksaan dan pensijilan, terdapat 2 sesi keluaran tapi terdapat banyak siri pada fail tersebut, bagaimanakah nombor sirinya?

Jawapan:

- **No siri perlu bermula dari 1 bagi setiap sesi keluaran bagi yang mempunyai fail lebih dari 1 siri.**

(b) Soalan 2:

- Bagi yang tidak mempunyai almari berkunci, bolehkah laci besi bertingkat (paling bawah) dilabel peribadi?

Jawapan:

- **Boleh**

(c) Soalan 3:

- Perlukah **semua almari dalam bilik pegawai** dilabelkan rasmi/peribadi?

Jawapan:

- **Tidak perlu.** Bergantung pada jenis aset, dan pada dasarnya hanya perlu label pada **standard workstation (almari pakaian/almari sliding dan laci bertingkat).**

Makluman

IV. HAL-HAL LAIN

Pengerusi memohon agar semua AJK Standard EKSA **memberi panduan kepada ahli zon masing-masing** berkaitan **pelaksanaan Standard EKSA JTM**

Tindakan: Semua AJK

V. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11 pagi.

Disediakan oleh:

Muhammad Farhan bin Hamid

Setiausaha

Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA JTM

Disemak oleh:

Hjh. Noor Lisa Rahmat

Pengerusi

Jawatankuasa Keseragaman (Standard) EKSA JTM